

**KHAZANAH WARISAN TEMPATAN DI PERPUSTAKAAN HAMZAH  
SENDUT, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA:  
KOLEKSI KAUM PERANAKAN ASIA TENGGARA**

**Siti Roudhah Mohamad Saad**  
Pustakawan Kanan  
Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia  
srms@usm.my

**Radia Banu Jan Mohamad**  
Penolong Pustakawan Kanan  
Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia  
radia\_banu@usm.my,

**Cik Ramlah Che Jaafar**  
Pustakawan  
Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia  
cramlah@usm.my,

**Shahriza Fadly Misaridin**  
Pustakawan  
Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia  
shahriza\_fadly@usm.my

**ABSTRAK**

*Kertas kerja ini akan menerangkan tentang proses pembangunan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara di Bahagian Malaysiana dan Arkib, Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia. Sebagai sebuah pusat penyimpanan ilmu dan maklumat, Perpustakaan memainkan peranan penting dalam memastikan bahan-bahan yang mempunyai nilai tradisi dan kearifan tempatan terpelihara. Pembangunan koleksi merupakan nadi utama didalam sesebuah Perpustakaan, justeru, maksud dan kepentingannya akan turut diterangkan didalam kertas kerja ini. Pembangunan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara melibatkan aktiviti pengumpulan, penyimpanan, pemeliharaan dan penyebaran maklumat berkaitan dengan Kaum Peranakan di Asia Tenggara khususnya Kaum Cina Peranakan, Kaum Jawi Peranakan, Kaum India Peranakan (Kaum Chetti) dan Kaum Siam Peranakan (Kaum Melayu Sam-Sam). Inisiatif yang telah diambil bagi merealisasikan pembangunan Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara ini akan diuraikan dan dijelaskan dengan terperinci. Selain itu, cabaran dan halangan yang dihadapi sepanjang proses pembangunan koleksi ini akan turut diperjelaskan. Koleksi ini akan dapat memberi pendedahan khusus tentang kewujudan Kaum Peranakan, membantu menjejaki tradisi dan memelihara khazanah warisan bangsa agar tidak hilang ditelan zaman. Koleksi ini juga dapat dijadikan sebagai sumber rujukan untuk membantu proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan generasi akan datang. Pembangunan koleksi ini juga boleh dijadikan penandaaras bagi pembangunan koleksi khas perpustakaan-perpustakaan di Malaysia didalam memperkasakan khazanah warisan bangsa.*

**Katakunci:** *Koleksi Kaum Peranakan Asia Tenggara; Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia; Malaysiana; Kaum Peranakan; Pembangunan koleksi*